

**Najib Ucap Takziah Kepada Keluarga Allahyarham Datuk Fatimah Abdul Majid
Bernama
14 April, 2013**

KUALA LUMPUR, 14 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak merakamkan ucapan takziah kepada keluarga tokoh politik Allahyarham Datuk Fatimah Abdul Majid yang meninggal dunia Jumaat lepas.

"Al-Fatihah kepada anggota Parlimen wanita pertama, Allahyarham Datuk Fatimah Abdul Majid yang meninggal dunia Jumaat lalu. Takziah kepada keluarga," katanya dalam laman sosial Facebook beliau.

Allahyarham Fatimah, 94, yang juga seorang daripada pengasas Umno, meninggal dunia di Institut Jantung Negara di sini kira-kira 10 pagi kerana masalah pernafasan.

Wanita pertama menjadi wakil rakyat di Johor pada 1959 itu meninggalkan lapan anak perempuan serta 35 cucu dan cicit.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=941961>